

# Buletin

# PSIKOLOGI



SEKOLAH PSIKOLOGI DAN KERJA SOSIAL

BIL. 10/2005 EDISI KHAS KONVOKESYEN KE - 7

# WATI

# ED



KONVO 2005  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



Beg Berkunci 2073,  
88999 Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel: 6088-320000 samb. 1535/1529/1427  
E-Mail: [pejspik@ums.edu.my](mailto:pejspik@ums.edu.my)  
Web site: <http://www.ums.edu.my/spks>

**BULETIN PSIKOLOGI**  
**BIL. 10/2005 EDISI KHAS KONVOKESYEN KE-7**

*Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial*

**Universiti Malaysia Sabah**  
**Beg Berkunci 2073, 88999, Kota Kinabalu**  
**2005**



**ORGANISASI  
BULETIN PSIKOLOGI 2005  
SEKOLAH PSIKOLOGI DAN KERJA SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**PENAUNG**

Prof. Dr. Md. Shuaib Che Din

**KETUA EDITORIAL**

Nurul Hudani Md. Nawi

**PENGARANG**

(Wakil Pelajar)

© Universiti Malaysia Sabah, 2005

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Teluk Sepanggar, Beg Berkunci 2073, 88999 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Buletin Psikologi  
Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial  
Universiti Malaysia Sabah  
ISSN: 1823-0687

Pereka letak halaman: Gomera Jumat  
Pereka kulit: Jupti Selamat

Dicetak oleh:  
Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.  
Lot 50-A, Hiong Tong Industrial Centre,  
Lorong Buah Salak 5,  
11.2 km, Jalan Tuaran,  
88450 Kota Kinabalu, Sabah  
Tel : 088-387214 Fax : 088-384214

## SENARAI KANDUNGAN

<b>Isi Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
Seulas Kata	vii
Tinta Bicara	viii
<b><u>Artikel Ilmiah Pelbagai</u></b>	
Peranan Agama (Islam) Dalam Membina Kekebalan Diri Pada Penagih <i>Noh Hj. Amit</i>	1
Temuduga Sebagai Peramal Tidak Begitu Diyakini Kebolehpercayaannya, Namun Ia Masih Lagi Meluas Digunakan Sebagai Satu Kaedah. Mengapa Ini Berlaku? <i>Nurul Hudani Md. Nawi</i>	7
Asertif Dalam Kaunseling <i>Hjh. Fuziah Hj. Abdul Rahman</i>	13
Strategi Pembuatan Keputusan Di Kalangan Kanak-kanak <i>Agnis Sombuling</i>	21
Neurofeedback Therapy: Suatu Alternatif Rawatan Mengatasi Kanak-kanak Bermasalah (ADD/ADHD) <i>Muhamad Sophian Nazaruddin</i>	25
Ciri-ciri Graduan yang 'Marketable' dan Berdaya Maju Untuk Kemajuan Kerjaya Abad Ke-21 <i>Peteri Hayati Megat Ahmad</i>	29
The Use Participatory Ergonomics in Organization <i>Ismail Maakip</i>	41
Pemulihan Dalam Komuniti & Isu Pelaksanaannya <i>Habibie Hj. Ibrahim</i>	49

<b>Navigating Work, Family Life &amp; Parenting In Dual Earner Families</b> <b><i>Shazia Iqbal Hashmi</i></b>	<b>53</b>
<b>Kaunseling vs Kerja Sosial</b> <b><i>Wan Anor Wan Sulaiman</i></b> <b><i>Noh Hj. Amit</i></b>	<b>57</b>
<b>Faktor Wujudnya Golongan Homoseksual</b> <b><i>Balan Rathakrishnan</i></b>	<b>63</b>
<b>Perkhidmatan Komuniti Untuk Keluarga Anak-anak Istimewa</b> <b><i>Mohd. Shahrani Ahmad</i></b>	<b>67</b>
<b>Personaliti dan Astrologi (Simbol Zodiak)</b> <b><i>Getrude Grace Cosmas</i></b>	<b>71</b>
<b>Psikologi Silang Budaya vs Psikologi Pelbagai Budaya. Sejauh Manakah Relevannya Dalam Dunia Penyelidikan Psikologi Kini</b> <b><i>Mazni Mustapha</i></b>	<b>77</b>

## **SEVLAS KATA**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya sekali lagi Buletin Psikologi dapat diterbitkan untuk edisi yang kesepuluh bagi tahun 2005 ini. Sekalung ucapan syabas dan tahniah kepada sidang pengarang.

Sesungguhnya Buletin Psikologi ini merupakan medium penyampai maklumat serta sumber rujukan kepada generasi yang ingin mengetahui penekanan aspek psikologi di Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPsiKS) dan aplikasinya, sejajar dengan moto Sekolah Psikologi “**Psikologi Pencetus Minda Ke Arah Kesejahteraan**”.

Paduan tenaga kerja di antara pensyarah, pelajar serta mereka yang terlibat dalam penghasilan buletin ini menunjukkan hubungan yang lebih erat antara pendidik dan yang dididik secara dinamik dan progresif sekaligus dapat menerbitkan bahan ilmiah sebegini.

Di sini, saya bagi pihak SPsiKS serta Ahli Jawatankuasa Buletin Psikologi ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada mereka yang turut membantu menghasilkan buletin ini. Setinggi jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) atas sokongan yang diberikan terhadap aktiviti-aktiviti sekolah, khususnya kepada SPsiKS.

Sekian, terima kasih.

**“Psikologi Pencetus Minda Ke Arah Kesejahteraan”**

Prof. Dr. Md. Shuaib Che Din  
Dekan  
SPsiKS  
UMS

## **TINTA BICARA**

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Ukhuwah.

Alhamdulillah, puji dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan kudrat dan kurniaNya jua maka Buletin Psikologi Edisi Ke-10 ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Selaku ketua editor, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada para pensyarah, pelajar, dan semua pihak yang berusaha dengan gigih bagi mengiltizamkan kelahiran Buletin Psikologi ini. Pada masa yang sama, kami sudah tentu akan menerbitkan buletin yang lebih berkualiti dengan isu-isu terkini yang dikupas oleh para penulis yang berkaliber dan berketerampilan selaras dengan moto sekolah iaitu **“Psikologi Pencetus Minda Ke Arah Kesejahteraan”**.

Di lembaran ini, saya bagi pihak seluruh Ahli Jawatankuasa Buletin Psikologi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Dr. Md. Shuaib Che Din selaku Dekan SPsiKS, UMS atas segala dorongan dan keprihatinan beliau dalam menerbitkan buletin edisi ini. Sekalung mutiara penghargaan juga diucapkan kepada YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, selaku Naib Canselor UMS atas sokongan dan dorongan dalam menghasilkan buletin ini.

Akhir kata, keseluruhan sokongan, idea dan usaha yang diberikan oleh warga kerja SPsiKS amatlah dihargai di samping dapat mengeratkan hubungan ukhuwah yang terbina. Semoga apa jua sumbangan oleh warga yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dapat dijadikan pengalaman yang amat berguna pada hari muka kelak.

Sekian, terima kasih.

**“Psikologi Pencetus Minda Ke Arah Kesejahteraan”**

Nurul Hudani Md. Naw  
Ketua Editor  
Buletin Psikologi Edisi Ke-10  
SPsiKS, UMS



# PERANAN AGAMA (ISLAM) DALAM MEMBINA KEKEBALAN DIRI PADA PENAGIH

Noh Hj. Amit  
Sekolah Psikologi & Kerja Sosial  
Universiti Malaysia Sabah

## Pengenalan

Secara amnya, agama berperanan membentuk keperibadian dan cara hidup manusia sama ada sebagai individu atau kelompok dalam sesebuah masyarakat. Agama juga berfungsi sebagai panduan dalam hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Tuhan. Selain itu, konsep agama dalam mencipta kekebalan diri pada penagih dimaksudkan sebagai agama bukan sahaja sebagai satu pegangan dan pengamalan dalam kehidupan, bahkan dengan pegangan dan pengamalan nilai, kewajipan dan tuntutan agama dalam diri individu, agama dilihat sebagai satu benteng pertahanan yang mampu membentuk satu sistem perlindungan dan kekebalan diri (*immune system*) atau daya tahan diri penagih untuk tidak mudah terlibat dengan penagihan berulang (*relapse*).

Dalam erti kata lain, kekuatan diri yang disandarkan kepada kekuatan beragama atau keimanan kepada Tuhan dan pengamalan kewajipan serta tuntutan agama bukan sahaja menggalakkan penagih lebih sedar dan bertanggungjawab kepada diri dan kehidupan serta masyarakat tetapi pada masa yang sama, turut menahan dan menentang godaan serta cubaan dari kembali untuk menagih sama ada disebabkan oleh faktor-faktor dalam diri penagih itu ataupun dari faktor-faktor persekitaran. Jadi, peranan agama di sini membentuk satu kekuatan yang luar biasa seperti kekuatan mental, jasmani dan rohani untuk tidak mengulangi perbuatan menagih seterusnya menjauhi penyalahgunaan najis dadah.

Agama seharusnya *syumul* (menyeluruh dan sempurna) iaitu ia tidak mengecualikan apa-apa aspek dalam kehidupan manusia dalam ajaran dan *worldview*nya. Contoh yang jelas ialah bagaimana Islam melihat kehidupan manusia secara menyeluruh. Secara logik dan rasionalnya, semua agama menyeru dan mengarah kepada kebaikan, sama ada Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan sebagainya. Bahkan, memang jelas tidak ada sebarang bahagian pun dari mana-mana agama yang mengajak, mengajar atau mempromosi keburukan seperti penzinaan, bunuh-membunuh, meminum arak, dan sebagainya.

Jadi, kefahaman dan pengetahuan tentang tujuan dan mengapa sesetengah agama diturunkan perlu diberi perhatian. Dalam konteks Islam, mengapa Islam itu diturunkan? Jelas sekali ia sebagai panduan dan rahmat kepada sekalian alam. Begitu juga dengan mana-mana agama samawi iaitu agama Allah Taala dan dinul Islam yang diturunkan dari langit ke bumi. Ia adalah